

ETR 300

BODY MASK ENTERPRISE

INDUSTRI MEMPROSES DAN MENGEDAR

MINYAK WANGI

DISEDIAKAN OLEH:

NORLIZAN B. MOHAMED NOOR 97219901

MD. GAMEL ABD. NASSER B. MOHAMAD YUSOP 97219608

AHMAD FARID B. NOORISHAM 97109633

DISEDIAKAN UNTUK:

EN. KHAIRUL ANUAR SUBARI

PENSYARAH ETR 300

DIPLOMA PENGGAJIAN PERNIAGAAN 05C

15 OKTOBER 1999

Isikandungan

mukasurat

<i>Surat penyerahan</i>	<i>i</i>
<i>Muqadimah</i>	<i>iii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>iv</i>
<i>Isikandungan</i>	<i>vi</i>
<i>Logo</i>		<i>1</i>
<i>Huraian logo</i>		<i>2</i>
<i>Pengenalan</i>		<i>4</i>
<i>Tujuan Rancangan Perniagaan</i>		<i>6</i>
<i>Latar Belakang Perniagaan</i>		<i>8</i>
<i>Ringkasan</i>		<i>10</i>
<i>Latar Belakang Ahli Kongsi</i>		<i>12</i>
<i>Perjanjian Perkongsian</i>		<i>15</i>
<i>Rancangan Pentadbiran</i>		<i>20</i>
<i>Rancangan Pemasaran</i>		<i>51</i>
<i>Rancangan Operasi</i>		<i>76</i>
<i>Rancangan Keewangan</i>		<i>109</i>
<i>Rumusan</i>		<i>146</i>

PENGENALAN

Dalam menuju abad ke-21, negara-negara timur dijangkakan berpontensi di dalam pembangunan ekonomi. Malaysia juga secara tidak langsung turut berada di dalam ke arah peningkatan dan pembangunan ekonomi tersebut. Dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negara kita, peranan industri kecil dan sederhana tidak harus dipandang sebagai suatu perkara yang remeh kerana ia merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara.

Kewujudan industri kecil dan sederhana telah diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dan dijadikan sebagai aset penting untuk mengorak langkah ke arah negara membangun.

Berikutan daripada usaha tersebut, Malaysia di bawah Rancangan Malaysia ketujuh (1996-2000) telah menyarankan lebih kurang 18 buah industri yang perlu di ketengahkan dan di beri keutamaan. Salah satu daripadanya ialah industri pembuatan. Sehubungan dengan itu sebagai langkah awal, kami menyahut seruan kerajaan dengan merancang penubuhan sebuah perniagaan yang memproses dan menghasilkan minyak wangi serta mengedarkannya.

Hasil gabungan 3 orang rakan kongsi maka terbentuklah sebuah perniagaan yang diberi nama *BODY MASK ENTERPRISE* yang dipimpin oleh saudara Norlizan Mohamed Noor , dengan berbekalkan modal sebanyak RM 160 300.00 perniagaan kami memproses dan menghasilkan minyak wangi yang berharuman istimewa dan mampu memberi keselesaan kepada pemakainya serta mengedarkannya disekitar negeri Kedah .

Tenaga kerja utama terdiri daripada rakan kongsi dan disamping itu kami juga memerlukan pekerja-pekerja tambahan untuk membantu perjalanan perniagaan. Kami telah sepakat untuk memilih Bas Terminal Shahab Perdana sebagai tapak lokasi perniagaan yang kami tubuhkan ini. Pemilihan lokasi tersebut adalah strategi memandangkan banyaq projek-projek pembinaan yang sedang di jalankan disekitar kawasan itu. Projek-projek adalah seperti premis perniagaan kawasan perumahan serta pusat-pusat rekreasi.

Pernaigan kami tidak hanya menumpukan aktiviti di sekitar kawasan Alor Setar sahaja, malah ianya melibatkan seluruh kawasan negeri Kedah dan Perlis. Daripada maklumat kami perolehi Malaysia sekarang sedang menuju untuk menjadi sebuah negara maju menjelang abad ke-21, Jadi taraf hidup penduduk juga meningkat, ini bermakna permintaan untuk barangan yang berkualiti dan berinovasi mendapat permintaan yang tinggi. Denagn kesempatan ini kami mengambil peluang untuk menghasilkan barangan tersebut.

Dengan kemasukan syarikat kami kedalam pasaran, ini akan membantu pembangunan ekonomi dan sekali gus membuktikan kemampuan syarikat bumiputera. Selain daripada itu, pertambahan industri dalam IKS akan meningkat kepada satu unit lagi dimana ianya bersama-sama mengembangkan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membangun menjelang abad ke-21 kelak.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

- Nama** : BODY MASK ENTERPRISE
- Alamat Perniagaan** : No 25A Jalan Shahab 4, Bas Terminal Shahab
Perdana, 05150 Alor Setar ,
Kedah Darul Aman.
- Alamat surat-menyurat** : -SDA-
- No. Telefon** : Dalam Proses
- Bentuk Perniagaan** : Perkongsian
- Kegiatan utama** : Memproses dan menghasilkan minyak wangi yang
dapat mengelakan pemakainya dari didekati
serangga serta mengedarkanya.
- Tarikh Permulaan Perniagaan** : 1 Januari 2000